

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai lengkap kes-kes kategori berprofil tinggi, berkepentingan awam, serta sensitif dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan status terkini berkaitan setiap kes.

JAWAPAN**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Kertas Siasatan (KS) yang melibatkan kes-kes kategori berprofil tinggi, berkepentingan awam, serta sensitif yang telah dibuka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tahun 2016 sehingga September 2021 adalah sebanyak 716. Manakala sebanyak 588 tangkapan juga telah dilakukan. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KS	JUMLAH TANGKAPAN
2016	81	87
2017	89	64
2018	109	43
2019	123	183
2020	166	159
2021 (September)	148	52
JUMLAH KESELURUHAN	716	588

SPRM juga telah menetapkan tatacara pengendalian aduan, maklumat dan pelaksanaan siasatan kes berprofil tinggi, kes berkepentingan awam dan kes sensitif (HPPIS) untuk memastikan pengendalian kes-kes ini dapat diuruskan dengan lebih sistematik, bersepadu dan efektif.

Sekian, terima kasih.